

DATE: 20 JULY 2018
PUBLICATION: BERITA HARIAN
SECTION: BUSINESS
HEADLINE: MAYBANK SUNTIK RM300J PROJEK PARAGON DI MELBOURNE
CATEGORY: COMPANY NEWS



Jiaheng (dua dari kanan) dan Michael memegang dokumen perjanjian pembiayaan sambil diperhatikan Kuan Khian (kiri) pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam.

Maybank suntik RM300j projek Paragon di Melbourne

Malayan Banking Bhd (Maybank) menyuntik pembiayaan hampir A\$100 juta (RM300 juta) dalam projek pembangunan mewah, Paragon terletak di tengah bandar Melbourne, Australia.

Projek dengan nilai pembangunan kasar (GDV) A\$200 juta (RM600 juta) itu dibangunkan bersama oleh Fajarbaru Builder Group, KHK Group dan diketuai pemaju berpangkalan di Melbourne, Beulah International.

Perjanjian pembiayaan itu ditandatangani Pengarah Urusan Beulah International, Chan Jiaheng; Pengarah Eksekutif Fajarbaru Group, Datuk Seri Eric Kuan Khian; Pengarah Urusan KHK Group, Jo Jo Kong dan Pengarah Urusan Perbankan Korporat Maybank, Michael

Oh-Lau Chong.

Jiaheng berkata, sokongan berte-rusan syarikat antarabangsa mencerminkan potensi pelabur antarabangsa di Melbourne.

“Kami teruja bekerjasama dengan bank terbesar di Malaysia dan antara bank terkemuka di Asia Tenggara.

“Ia memberi kepercayaan kepada kami untuk membangunkan projek yang berjaya bersama rakan kongsi kami di bandar yang pesat membangun,” katanya pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam.

Permintaan meningkat

Sementara itu, Michael berkata, Maybank sentiasa bekerjasama rapat dengan projek bertaraf global.

“Beulah International sangat

inovatif dalam semua projeknya, dan ini menyebabkan kami yakin mereka akan merekodkan satu lagi kejayaan selepas projek Gardenhill di Melbourne,” katanya.

Mengulas lanjut, Kuan Khian berkata, kerjasama dengan Beulah International adalah kesinambungan selepas kejayaan projek Gardenhill dengan GDV A\$77 juta.

“Melbourne mempunyai asas yang kukuh untuk pelaburan.

“Kami yakin prospek pasaran hartanah di Australia terus merekodkan pertumbuhan yang sihat kepada Fajarbaru pada masa depan, disokong oleh permintaan yang semakin meningkat terhadap hartanah berkualiti tinggi di negara itu,” katanya.